

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.10.2016

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang 1MDB serta anak syarikatnya yang telah diambil alih atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan; dan jumlah peruntukan tahunan untuk membayar faedah dan kos menanggung/menguruskan hutang-hutang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Hutang 1MDB akan ditanggung oleh syarikat melalui penjualan aset dan pembangunan hartanah selaras dengan pelaksanaan Pelan Rasionalisasi.

Segala butiran hutang 1MDB serta unjuran dan anggaran sumber dan penggunaan perbelanjaan dana tersebut (*estimated and projected sources and uses of funds*, dengan izin) boleh didapati di dalam Jadual 10, Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).